

# DYNA AMOXYCILLIN SUSPENSION

Amoxicillin Trihydrate (125 mg/5 ml, 250 mg/5 ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DYNA AMOXYCILLIN
2. Bagaimana DYNA AMOXYCILLIN berfungsi
3. Sebelum menggunakan DYNA AMOXYCILLIN
4. Cara menggunakan DYNA AMOXYCILLIN
5. Semasa menggunakan DYNA AMOXYCILLIN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DYNA AMOXYCILLIN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan DYNA AMOXYCILLIN

Amoxicillin digunakan untuk merawat

- Jangkitan yang disebabkan oleh bakteria.
- Jangkitan telinga, hidung dan tekak.
- Jangkitan dada.
- Jangkitan saluran kencing
- Jangkitan kulit dan tisu

## Bagaimana DYNA AMOXYCILLIN berfungsi

Amoxicillin bertindak dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan.

## Sebelum menggunakan DYNA AMOXYCILLIN

- Bila tidak boleh menggunakan

Tidak boleh digunakan pada pesakit dengan yang diketahui sensitive kepada penicillin.

### Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil DYNA AMOXYCILLIN jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil DYNA AMOXYCILLIN jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

## - Sebelum mula menggunakan DYNA AMOXYCILLIN

Beritahu doktor anda jika:

- Anda hipersensitif kepada penicillins lain dan cephalosporins atau penicillamine.
- Mempunyai masalah buah pinggang.

## - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

- *Probenecid* memanjangkan tahap amoxicillin di dalam darah.
- Antasid dan *alkalising agents* lain boleh menjejaskan penyerapan amoxicillin.
- Amoxicillin boleh mengurangkan keberkesanan pil perancang.
- Penggunaan serentak Amoxicillin dan Allopurinol meningkatkan kejadian ruam.

## Cara menggunakan DYNA AMOXYCILLIN

- Berapa banyak harus digunakan

Goncang untuk melembutkan serbuk. Tambah air mendidih sekurang-kurangnya setengah jumlah akhir (30 ml atau 50 ml) dan sejukkan air dan goncang dengan perlahan-lahan. Tambah air sehingga jumlah akhir (60 ml atau 100 ml) dicapai and goncang dengan baik.

Simpan di dalam peti sejuk dan untuk digunakan dalam masa 7 hari pencampuran.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan gangguan sistem gastro-usus, kemerosotan boleh balik fungsi hati dan cirit-birit.

## Semasa menggunakan DYNA AMOXYCILLIN

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan DYNA AMOXYCILLIN.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi DYNA AMOXYCILLIN dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Anda perlu meneruskan pengambilan ubat sepanjang tempoh rawatan.
- Ambil ubat ketika perut kosong.
- Dos perlu dikurangkan pada pesakit dengan fungsi buah pinggang terjejas.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, DYNA AMOXYCILLIN boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

# DYNA AMOXYCILLIN SUSPENSION

Amoxycillin Trihydrate (125 mg/5 ml, 250 mg/5 ml)

Kesan-kesan sampingan adalah ringan dan sementara contohnya loya, muntah-muntah, cirit-birit, senak. Amoxycillin boleh menimbulkan ruam yang mungkin berasal dari toksik. Ruam hampir setiap kali berlaku apabila Amoxycillin diberikan kepada pesakit dengan demam glandular (jangkitan virus). Sedikit Amoxycillin dikumuhkan dalam susu boleh mencetuskan reaksi alahan pada bayi.

Berhenti menggunakan DYNA AMOXYCILLIN dan hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengalami masalah-masalah seperti berikut:

- Reaksi alergi yang serius seperti Reaksi Ubat dengan Eosinophilia dan Simptom-Simptom Sistemik (DRESS). DRESS bertindak pada awalnya seperti simptom-simptom selsema dengan ruam pada muka dan dengan ruam yang penuh, suhu badan yang tinggi dan lymph node yang membesar.

DYNA AMOXYCILLIN mungkin menyebabkan alergi teruk dan reaksi kulit yang serius.

Berhenti mengambil DYNA AMOXYCILLIN dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami salah satu daripada simptom yang berikut:

- Kemerahan kulit, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) (*Consumers* → *Reporting* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan

### - Penyimpanan

DYNA AMOXYCILLIN 125MG/5ML  
Jauhi ubat daripada kanak-kanak  
Pastikan bekas ditutup rapat  
Jangan simpan melebihi 30°C  
Lindungi daripada cahaya.

DYNA AMOXYCILLIN 250MG/5ML  
Jauhi ubat daripada kanak-kanak  
Pastikan bekas ditutup rapat  
Jangan simpan melebihi 30°C  
Lindungi daripada cahaya.

### - Penyimpanan (selepas pembancuhan)

Simpan dalam peti ais (2-8°C) selepas pembancuhan.  
Untuk digunakan dalam masa 7 hari selepas pembancuhan

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

DYNA AMOXYCILLIN 125MG/5ML  
Serbuk berwarna putih. Ampaian merah jambu, legap dan lembut dengan perisa strawberi apabila dicampur dengan air.

DYNA AMOXYCILLIN 250MG/5ML  
Serbuk berwarna putih. Ampaian merah jambu, legap dan lembut dengan perisa strawberi apabila dicampur dengan air.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Amoxycillin Trihydrate

- Bahan-bahan tidak aktif  
Aerosil 200, Strawberry Flavour Powder, Red Carmoisine, Rhodigel (Xanthan Gum), Sugar (Crushed Fine), Sodium Lauryl Sulphate, Sodium Benzoate, Sodium Saccharin.

### - Nombor MAL

DYNA AMOXYCILLIN 125MG/5ML  
MAL19985981AZ

DYNA AMOXYCILLIN 250MG/5ML  
MAL19985982AZ

## Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.  
2497, Mk. 1, Lorong Perusahaan Baru 5,  
Kawasan Perusahaan Perai 3,  
13600 Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

02/11/2023

## Nombor siri

NPRA(R4/1)210917/00254